

Sri Al-Amin Bangi Sdn. Bhd. [301706-P]

Lot 16 Kg. Sungai Tangkas, 43000 Kajang, Selangor. Tel : 03-8925 2454 Fax : 03-8925 8717

Tarikh : 15hb Februari 2022

Bil : Pekeliling SAAB 04-1/2022

Kepada : **SEMUA PEKERJA SRI AL-AMIN BANGI SDN. BHD.**

Perkara : **PERUBAHAN & PENAMBAHAN TERMA BUKU PANDUAN PEKERJA SRIAAB**

Assalamualaikum w.b.t.

1.0 Berikut ialah **PERUBAHAN TERMA** dalam Buku Panduan Pekerja Sri Al-Amin Bangi 2017-2020.

Tarikh berkuatkuasa : 1hb Mac 2022

1.1 Perubahan Terma 5.7.5.1 : ELAUN TETAP (Pindaan ; Pekeliling SAAB 01/2018)

Elaun Tetap akan dibayar kepada pekerja yang telah disahkan jawatan seperti berikut :

Tempoh berkhidmat	Jumlah /sebulan
Kurang daripada 3 tahun	RM200.00
Lebih 3 tahun	RM250.00

[Jadual 3 : Elaun Tetap]

1.2 Perubahan Terma 5.7.5.2 : ELAUN RUMAH

Elaun Rumah akan dibayar kepada pekerja seperti berikut :

Kategori pekerja	Tempoh berkhidmat	Jumlah /sebulan
Disahkan jawatan	Kurang daripada 3 tahun	RM250.00
	Lebih 3 tahun	RM300.00
Belum disahkan jawatan / Kontrak	Tidak tertakluk tempoh berkhidmat	RM100.00

[Jadual 4 : Elaun Rumah]

1.3 Perubahan Terma 5.7.5.8 : DISKAUN YURAN PENGAJIAN ANAK

Diskaun yuran pengajian anak diberikan kepada semua pekerja yang mempunyai anak yang bersekolah di Sekolah Sri Al-Amin Bangi seperti berikut :

Kategori Pekerja	Jumlah diskaun yang diberikan
Lelaki	50% daripada yuran pengajian bulanan
Wanita	

[Jadual 7 : Diskaun Yuran Pengajian Anak]

Pekerja boleh memohon penambahan diskaun ini setiap sesi persekolahan, namun semua permohonan bagi penambahan diskaun yuran ini adalah tertakluk kepada kelayakan, terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh Syarikat dari semasa ke semasa.

1.4 Perubahan Terma 5.7.5.11 : ELAUN TUGAS KHAS (Tambahan; Pekeliling SAAB 01/2018)

- a) Elaun ini diberikan kepada semua pekerja **sebanyak RM80.00 sebulan** sebagai insentif tugas pada hari Ahad tanpa mengambil kira samada perlu bertugas atau tidak pada bulan-bulan tersebut
- b) Dengan pembayaran elaun ini, pekerja tidak layak untuk memohon sebarang elaun tambahan lain atau pun cuti gantian
- c) Walaubagaimanapun, pihak syarikat berhak menarik balik elaun ini tertakluk kepada kedudukan kewangan syarikat dan perubahan polisi semasa.

1.5 Perubahan Terma 5.14 : SKIM DATA PLAN

5.14.1 Atas budi bicara dibawah skim ini, Syarikat akan membayar bil telefon pekerja yang perlu menggunakan data atau internet untuk melaksanakan tugas seperti kadar berikut :

Bil.	Jawatan	Kadar/sebulan
1.	Pengurus / Pengetua / Guru Besar / Penolong Pengurus / Timbalan Pengetua / Timbalan Guru Besar / Penolong Kanan	RM100.00
2.	Guru / Eksekutif	RM70.00
3.	Pekerja sokongan	RM50.00

[Jadual 14 : Skim Data Plan]

5.14.2 Pembayaran dibawah skim ini akan dibuat antara 15hb hingga 20hb setiap bulan secara terus ke akaun bank pekerja atau syarikat telekomunikasi bergantung perubahan semasa.

5.14.3 Walau bagaimanapun, pihak Syarikat berhak menarik balik skim ini apabila dirasakan perlu selepas keberkesanan skim ini dikaji semula dari semasa ke semasa dan masih tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Syarikat.

5.15 Perubahan Terma 5.18 : SKIM MANFAAT TAKAFUL (Tambahan; Pekeliling SAAB 03/2019)


5.18.1 Skim manfaat ini layak dipohon oleh **semua pekerja** mengikut kategori berikut :

Kategori pekerja	Jumlah/sebulan
Disahkan jawatan	RM150.00
Belum disahkan jawatan/ kontrak	RM60.00

[Jadual 16 : Skim Manfaat Takaful]

- 5.18.2 Skim ini hanya layak dipohon oleh pekerja yang telah berdaftar dengan mana-mana polisi takaful peribadi.
- 5.18.3 Skim ini tidak layak dipohon oleh pekerja yang telah memilih untuk menyertai skim takaful berkelompok bawah syarikat.
- 5.18.4 Skim ini akan dibayar kepada pekerja selagi mereka terikat dengan mana-mana polisi takaful
- 5.18.5 Pekerja mesti memaklumkan pihak syarikat jika menamatkan polisi. Sekiranya pekerja menamatkan polisi takaful tanpa makluman dan dimasukkan ke hospital, pihak syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar mana-mana kos perubatan yang terlibat. Dibawah terma ini, pekerja tidak lagi layak dan tidak terikat dengan terma 5.11.2 Buku Panduan ini.

Diluluskan oleh :



(DR. DR. RANLI BIN MAT SUKI)

Pengarah Syarikat

Tarikh : 16/2/2022